AUTHOR: No author available SECTION: NIAGA PAGE: 33 PRINTED SIZE: 266.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,930.00 ITEM ID: MY0068941676



23 APR, 2026

AHTV Proton terima lawatan pelatih GiatMara Tanjung Malim

Kosmo, Malaysia

AHTV Proton terima lawatan pelatih GiatMara Tanjung Malim

PETALING JAYA – Seramai 35 pelatih GiatMara Tanjung Malim, telah berkunjung ke Automotive High-Tech Valley (AHTV) Proton di Tanjung Malim, Perak untuk melihat dengan lebih dekat pengoperasian fasiliti, mendapat pendedahan secara praktikal serta meningkatkan kefahaman mereka dalam industri automotif.

Pelatih yang terdiri daripada pelbagai latar belakang teknikal seperti teknologi automotif dan motosikal, pembaikan kenderaan serta kemasan cat di bawa melawat ke beberapa kawasan utama di fasiliti tersebut yang dikendalikan oleh Ketua Pereka Proton, Azlan Othman.

Kumpulan ini berpeluang menyaksikan proses pemasangan kenderaan, standard kawalan kualiti dan penggunaan teknologi moden dalam operasi pengeluaran.

Ketua Pegawai Sumber Manusia Proton, Dr. Kasuma Satria Mat Jadi berkata, pihaknya melihat pembangunan bakat sebagai satu tanggungjawab jangka panjang dan adalah penting bagi syarikat untuk menarik minat generasi muda mengekalkan minat mereka dalam bidang automotif dengan memberi pendedahan bermakna kepada industri.

"Melalui inisiatif ini, kami bukan sahaja berkongsi pengetahuan industri, malah membantu mencungkil bakat muda memahami landskap automotif yang sentiasa berkembang termasuk kemajuan dalam bidang elektrifikasi.



PARA pelatih GiatMara mendengar taklimat tentang pengoperasian fasiliti Proton di Tanjung Malim baru-baru ini.

"Ini amat penting dalam membina saluran bakat berkemahiran tinggi yang bersedia menghadapi masa depan demi negara," katanya dalam kenyataan di sini semalam..

Sementara itu, Ketua GiatMara Tanjung Malim, Fadilah Abdullah menjelaskan, lawatan industri ini memberikan pendedahan yang amat bernilai kepada para pelatih mengenai operasi di fasiliti Proton.

"Pelatih amat teruja dengan penggunaan teknologi canggih, sistem pengeluaran yang cekap serta amalan kualiti yang mantap, menjadikan ia sebagai asas kepada penghasilan model-model Proton masa kini.

"Pengalaman seperti ini begitu penting kepada pelajar yang mana ia akan memberi inspirasi kepada pelajar untuk terus meningkatkan kemahiran dan menceburi kerjaya dalam sektor automotif," jelasnya.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.

AUTHOR: No author available SECTION: NIAGA PAGE: 33 PRINTED SIZE: 266.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,930.00 ITEM ID: MY0068941676



23 APR, 2026

AHTV Proton terima lawatan pelatih GiatMara Tanjung Malim

Kosmo, Malaysia

SUMMARIES

PETALING JAYA — Seramai 35 pelatih GiatMara Tanjung Malim, telah berkunjung ke Automotive High-Tech Valley (AHTV) Proton di Tanjung Malim, Perak untuk melihat dengan lebih dekat pengoperasian fasiliti, mendapat pendedahan secara praktikal serta meningkatkan kefahaman mereka dalam industri automotif.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.